



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 19 SEPTEMBER 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AGROBANK TAWAR MORATORIUM 6 BULAN KEPADA PELANGGAN TERJEJAS BANJIR, EKONOMI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 31	AGROBANK
2.	AGROBANK, BANK RAKYAT TAWAR MORATORIUM, BISNES, SINAR HARIAN, M/S – 22	
3.	AGROBANK TAWAR MORATORIUM PADA MANGSA BANJIR, NIAGA, KOSMO, M/S – 30	
4.	FARMERS: SET REALISTIC FLOOR PRICE, NATION, THE STAR, M/S – 10	LAIN – LAIN
5.	CABARAN SEKURITI MAKANAN, MALAYSIA PERLU BERTINDAK SEKARANG, WAWANCARA, HARAKAH, M/S – 19	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	31

Agrobank tawar moratorium 6 bulan kepada pelanggan terjejas banjir

PETALING JAYA: Agrobank tawar moratorium selama enam bulan bagi membantu pelanggan sedia ada di seluruh kawasan yang terkesan akibat bencana banjir, khususnya di Sabah.

Bantuan ini meliputi penangguhan bayaran balik pembiayaan sehingga enam bulan kepada pelanggan Agrobank yang layak dan terjejas akibat bencana ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja

Hussin berkata, pihaknya memahami kesukaran yang dihadapi oleh pelanggan akibat banjir baru-baru ini.

"Agrobank sentiasa proaktif dalam menyediakan bantuan khusus bagi meringankan beban mereka dan kami berharap moratorium ini dapat memberi sokongan yang diperlukan sepanjang tempoh yang mencabar ini."

"Saya dimaklumkan bahawa sebahagian pelanggan mengalami kerosakan harta benda,

ladang dan aktiviti pertanian, sekali gus bencana ini turut menjejaskan sumber pendapatan dan kelangsungan perniagaan mereka," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, terdapat pelanggan yang memerlukan penangguhan sementara bagi usaha memulihkan semula perniagaan.

Oleh itu, pelanggan yang layak boleh memohon kemudahan moratorium ini bagi membina semula perniagaan masing-

masing.

Pegawai kami juga akan menghubungi pelanggan terjejas bagi membantu mereka mengharungi situasi ini," ujarnya dalam kenyataan.

Pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Bantuan Banjir Agrobank melalui pusat panggilan Agrobank di 1300882476, selain memohon di laman sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my atau berkunjung ke mana-mana cawangan Agrobank.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2025	SINAR HARIAN	BISNES	22

Penangguhan 6 bulan kepada pelanggan terjejas banjir terutama di Sabah

Oleh LIZA MOKHTAR
KUALA LUMPUR

Agrobank mengumumkan tawaran moratorium selama enam bulan bagi membantu pelanggan sedia ada di seluruh negara yang terkesan akibat bencana banjir khususnya di Sabah.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, bantuan meliputi penangguhan bayaran balik pembiayaan sehingga enam bulan kepada pelanggan Agrobank yang layak dan terjejas akibat bencana itu.

"Kami memahami kesukaran dihadapi pelanggan akibat banjir baru-baru ini. Agrobank sentiasa proaktif dalam menyediakan bantuan khusus untuk meringankan beban mereka

dan kami berharap moratorium ini dapat memberi sokongan yang diperlukan sepanjang tempoh mencabar ini.

"Saya dimaklumkan bahawa sebahagian pelanggan mengalami kerosakan harta benda, ladang dan aktiviti pertanian. Kejadian ini secara langsung menjejaskan sumber pendapatan dan kelangsungan perniagaan mereka," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tambah beliau, terdapat juga pelanggan yang memerlukan penangguhan sementara untuk menumpukan usaha memulihkan semula perniagaan.

"Pelanggan yang layak boleh memohon kemudahan mo-



TENGGU AHMAD
BADLI SHAH

ratorium ini bagi membina semula perniagaan masing-masing.

"Pegawai kami juga akan menghubungi pelanggan terjejas untuk membantu mereka mengharungi situasi ini," ujar beliau.

Sementara itu, Bank Rakyat turut menawarkan bantuan penangguhan

bayaran ansuran pembiayaan sehingga enam bulan kepada pelanggan individu dan perniagaan yang terjejas akibat bencana banjir di Sabah.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat, Ahmad Shahril Mohd Shariff berkata, kemudahan yang ditawarkan merangkumi produk Pembiayaan Peribadi-i, Pembiayaan Perumahan-i,



Kawasan perumahan perkampungan Kibabai, daerah Penampang yang terjejas berikutan hujan lebat baru-baru ini.

Pembiayaan Kenderaan-i, Sewa Beli Kenderaan-i, Pembiayaan Pendidikan-i, Pembiayaan Mikro-i, Pajak Gada-i serta Kad Kredit-i.

"Bank Rakyat berharap agar kemudahan ini dapat memberi

kelegaan kepada mereka yang terjejas yang mana langkah proaktif ini juga amat bertepatan dengan nilai keprihatinan dan ihsan dalam konsep Malaysia Madani," katanya menerusi satu kenyataan.

FOTO: BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2025	KOSMO	NIAGA	30



AHMAD BADLI SHAH

Agrobank tawar moratorium pada mangsa banjir

PETALING JAYA – Agrobank mengumumkan tawaran moratorium selama enam bulan bagi membantu pelanggan sedia ada di seluruh negara yang terkesan akibat bencana banjir, khususnya di Sabah.

Bantuan ini meliputi penangguhan bayaran balik pembiayaan sehingga enam bulan kepada pelanggan Agrobank yang layak dan terjejas akibat bencana ini.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, memahami kesukaran yang dihadapi pelanggan akibat banjir baru-baru ini, Agrobank sentiasa proaktif dalam menyediakan bantuan khusus untuk meringankan beban mereka dan kami berharap moratorium ini dapat memberi sokongan yang diperlukan sepanjang tempoh mencabar ini.

“Saya dimaklumkan bahawa sebahagian pelanggan mengalami kerosakan harta benda, ladang dan aktiviti pertanian.

“Kejadian ini secara langsung menjejaskan sumber pendapatan dan kelangsungan perniagaan mereka.

“Ada pelanggan memerlukan penangguhan sementara untuk menumpukan usaha memulihkan semula perniagaan. Justeru, pelanggan yang layak boleh memohon kemudahan moratorium ini bagi membina semula perniagaan masing-masing. Pegawai kami juga akan menghubungi pelanggan terjejas untuk membantu mereka mengharungi situasi ini,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Farmers: Set realistic floor price

Last revision of local white rice was done 17 years ago, govt told

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PETALING JAYA: Rice farmers and retailers are urging the government to set a realistic floor price to secure food sovereignty and stabilise supply.

According to them, this is necessary because outdated price controls and the RM2.60 per kg ceiling for local white rice are no longer sustainable due to rising costs.

Malaysia Padi Farmers Brotherhood Association chairman Abdul Rashid Yob proposed a price band of RM3.20 to RM3.80, or alternatively the removal of the ceiling price altogether, to allow the industry to adjust to global currency movements and ensure long-term stability.

"The supply of local rice is there, but millers cannot sustain RM2.60 when production costs are already at RM3. The problem lies in the price itself. To harmonise the industry, the government must introduce a floor price," he said.

"This way, farmers can breathe, millers can keep operating, and consumers will still have access to affordable rice."

To cushion the impact on households, Abdul Rashid suggested increasing monthly subsidies under the Sumbangan Asas



Pressure point:

It has been pointed out that the RM2.60 per kg ceiling for local white rice is no longer sustainable due to rising production costs —

MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star

"First, remove price controls and let the market find its level. Then we will know if local rice is sellable," he said.

He noted that imported rice now retails at RM30 to RM32 per 10kg, making the narrow price gap unattractive for local rice.

"The government wants to give the B40 group cheaper rice, but the reality is there is no cheaper rice. Everyone is buying imported rice at different prices. It's better to have rice in the market than none at all," he added.

Ameer estimated that once subsidies are removed, local rice could rise to around RM29 per 10kg.

"But people must remember our local rice is of very good quality. The market should decide based on price and quality," he said, calling for at least a RM4 to RM5 price gap between local and imported rice to keep demand for local varieties strong.

A rice wholesaler, who did not want to be named, said producers had struggled to maintain supply since the subsidy ended.

"With subsidies, we could still support local rice production. But now, without aid and with rising costs, selling at RM2.60 per kg means we are effectively operating at a loss," he said, adding that promised subsidies had yet to be disbursed.

Sabu said the government is reviewing the supply mechanism and monitoring prices to ensure continued access to affordable rice.

Mydin managing director Datuk Ameer Ali Mydin echoed similar concerns, saying that price controls were the main reason behind shortages.

"No supplier is willing to sell at the controlled price of RM26 per 10kg because the subsidy is gone.

raise it to RM1,800 per tonne to reflect today's realities," he said.

The local white rice subsidy scheme, which ran from March to August, distributed 2.4 million bags of 10kg subsidised local rice at RM26 each across Peninsular Malaysia, benefiting 400,000 low-income households.

While the scheme ended on Aug 31 and has not been extended, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad

Rahmah (Sara) programme.

"Even if it costs the government an extra RM3bil or RM4bil, it has a duty to safeguard our food sovereignty," he said.

Abdul Rashid noted that the last revision of the local white rice price was 17 years ago, despite surging costs.

"Farmers now spend RM1,500 to produce one metric tonne of padi. The government must review the purchase price and

Cabaran sekuriti makanan

Malaysia perlu bertindak sekarang

MUKADIMAH

ISU keselamatan makanan bukan lagi sekadar topik akademik atau dasar jangka panjang – ia kini menjadi keperluan mendesak bagi kelangsungan negara.

Malaysia, sebuah negara yang subur dengan hasil bumi, kini bergantung hampir 70% kepada makanan import, menjadikan kita amat terdedah kepada risiko luar seperti perubahan iklim, konflik geopolitik dan ketidakpastian pasaran global.

Dalam wawancara eksklusif wartawan *Harakah*, SUFFI KAMARI yang digarap oleh NADIAH NOR bersama Ahli Parlimen Tangga Batu yang berpengalaman lebih tiga dekad dalam industri perladangan, Yang Berhormat (YB) Tuan Haji Bakri Jamaluddin, beliau mengupas cabaran sebenar yang dihadapi negara serta keperluan mendesak untuk menggabungkan teknologi, penyelidikan berfokus, dan pembangunan bakat sebagai teras penyelesaian jangka panjang.



Bakri Jamaluddin (Foto: AMIRUN IZZAT)

EKSKLUSIF

HARAKAH: Assalamualaikum, selamat datang ke Podcast *Harakah*. Hari ini kita akan membicarakan satu tajuk yang sangat relevan dan malar segar iaitu cabaran Malaysia menuju *food security* atau keselamatan makanan. Bersama kita, Yang Berhormat Tuan Haji Bakri Jamaluddin, Ahli Parlimen Tangga Batu. Apa khabar, Tuan Haji?

BAKRI JAMALUDDIN: Alhamdulillah, sihat.

Terima kasih kerana sudi bersama kami. Boleh Tuan Haji ceritakan sedikit latar belakang untuk para pendengar kita?

Saya lulusan Universiti Pertanian pada tahun 1985, dalam bidang Diploma Pertanian. Walaupun ditawarkan untuk terus sambung ijazah, saya tidak ambil peluang itu kerana saya anak pertama dalam keluarga miskin di kampung.

Saya perlu membantu adik-adik. Alhamdulillah, saya mendapat biasiswa daripada Kuala Lumpur Kepong (KLK) dan mula bekerja sejurus tamat pengajian sebagai cadet planter.

Saya bersama KLK selama 34 tahun. Dalam masa empat tahun, ketika berusia 25 tahun, saya sudah menjawat jawatan manager – pecah rekod ketika itu kerana kebiasaannya jawatan itu dipegang mereka berusia 30-an.

Saya pernah menguruskan ladang Batu Kawan, Pulau

“Jadi, kerajaan perlu bertindak agresif, bukan sekadar teori. Saya bercakap soal konsep dan pelaksanaan. Sebagai orang industri, saya tekankan penyelesaian praktikal.”

Pinang, dan terbabit dalam urusan pengambilan tanah bernilai RM49 juta.

Baik, mari kita masuk ke isu utama. Realitinya, Malaysia mengimport makanan bernilai puluhan bilion ringgit setiap tahun. Apa pandangan YB tentang isu keselamatan makanan ini?

Pertama, kita kena kembali kepada asas. Pada zaman Alahyarham Tun Abdul Razak, beliau melancarkan Buku Hijau untuk menggalakkan pertanian.

Saya masih ingat, ketika darjah empat saya mencangkul dan menanam sayur di sekolah.

Namun, apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih, dasar berubah. Pertanian yang dahulu menyumbang 24 peratus kepada KDNK dialihkan kepada perindustrian.

Negara maju ke arah industri, tetapi pertanian semakin ditinggalkan. Sejak 2018, saya sudah membangkitkan isu ini dalam muktamar PAS dan kempen pilihan raya.

Malah, saya mengikuti seminar antarabangsa yang menunjukkan pertumbuhan penduduk dunia tidak lagi seiring dengan pertumbuhan pengeluaran makanan.

Sejak 2018, graf pengeluar

an makanan global mula menurun akibat perubahan iklim, banjir, kemarau, dan kesan global warming.

Malaysia pula terlalu bergantung pada import – hampir 70% makanan kita datang dari luar. Bayangkan jika negara pengeluar seperti India atau Vietnam dilanda kemarau atau peperangan, Malaysia akan terjejas.

Jadi, kerajaan perlu bertindak agresif, bukan sekadar teori. Saya bercakap soal konsep dan pelaksanaan. Sebagai orang industri, saya tekankan penyelesaian praktikal.

Isu dasar juga timbul. Malaysia mahu menjadi negara berpendapatan tinggi, tetapi dalam masa sama mahu mengurangkan ketergantungan pada import makanan. Seolah-olah dua hala tuju ini tidak selari. Apa pandangan YB?

Sebenarnya ia boleh berjalan seiring. Lihat Jepun dan Itali – negara maju industri tetapi pertanian mereka juga subur. Bezanya, mereka guna teknologi.

Malaysia tidak lagi boleh meluaskan kawasan pertanian kerana kita perlu kekal 52% hutan.

Jadi, kunci utama ialah teknologi dan R&D. Misalnya, Australia boleh tanam

padi cukup untuk kegunaan sendiri malah eksport, kerana teknologi.

Di Malaysia, peruntukan R&D sebelum ini hanya sekitar 0.5-1% KDNK. Saya pernah cadang dinaikkan ke 2%. Dalam RMK-13, ia dinaikkan ke 2.5% setara dengan Korea, Jepun dan Jerman.

Tapi, R&D mesti berfokuskan hasil komersial. Jangan hanya untuk naik pangkat. Contohnya, Palm Kernel Expeller (PKE) hasil sampingan sawit boleh dijadikan makanan ternakan.

Teknologi MPOB berjaya turunkan serat tinggi dalam PKE, menjadikannya sesuai untuk ayam dan itik. Sayangnya, masih kurang usaha kerajaan atau swasta untuk mengkomersialkannya.

Baik, beralih kepada beras. Ada cadangan supaya SSL (*self-sufficiency level*) beras Malaysia ditingkatkan hingga 90%. Realistik atau tidak?

Cabaran besar. Dulu harga beras import lebih murah berbanding beras tempatan. Perniagaan lebih untung jual beras import.

Sebab itu beras tempatan hilang dari pasaran. Kerajaan pernah keluarkan subsidi RM160 juta untuk keluarkan semula beras tempatan ke pasaran. Tetapi akhirnya sub-

sidi habis, harga naik semula.

Kualiti juga tak terjaga antaranya ada beras cepat basi. Faktor agronomi dan kesuburan tanah sangat penting.

Penggunaan baja kimia terlalu lama membunuh mikroba baik dalam tanah. Tanah jadi padat, pokok stres, dan hasil rendah.

Jalan penyelesaian ialah pulihkan tanah, guna teknologi bio seperti biochar dan mikroba. Selain itu, contoh Sekinchan yang mampu hasilkan 7-8 tan sehektar tetapi rahsianya tidak pernah didekahkan.

Sebagai penutup, bagaimana hala tuju Malaysia dalam 10 tahun akan datang untuk memastikan sekuriti makanan benar-benar terjamin?

Kuncinya ada dua teknologi dan talent (bakat). Teknologi akan menentukan survival industri makanan. Seperti teksis yang pupus kerana Grab, kita juga akan ketinggalan jika lambat beradaptasi.

Kedua, kita perlu hasilkan lebih ramai bakat kreatif dan inovatif, bukan sekadar pengguna.

Saya selalu tekankan Malaysia ada ramai graduan, tetapi kekurangan *talented people*. Negara perlukan *creator* dan *innovator*.